

Sejak mula diperkenalkan 30 tahun lalu

ASB bayar RM151.9b dividen

Oleh AFIQ MOHD. SHAH

afiqsyahmi.shah@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang diuruskan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) iaitu anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), telah memberi pulangan dividen dan bonus berjumlah RM151.9 bilion kepada pelabur sejak mula diperkenalkan 30 tahun lalu.

Menurut Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, ASB merupakan unit amanah kedua dilancarkan PNB selepas pelancaran Skim Amanah Saham Nasional (ASN) pada 1981 dengan beberapa ciri unit berharga tetap iaitu RM1 dan hanya memerlukan pelaburan permulaan serendah RM10.

Katanya, sehingga 15 Jun lalu, ASB mempunyai lebih 10 juta pemegang unit dengan 169 bilion unit dalam edaran.

Untuk itu, Zeti berkata, sempena ulang tahun ASB ke-30, pelbagai peraduan dan kempen pelaburan akan dianjurkan sebagai penghargaan kepada semua pelabur setia ASB.

"ASB telah berkembang menjadi tabung unit amanah terbesar negara dengan pelaburan meluas dalam pelbagai instrumen kewangan dan syarikat utama negara hari ini.

"Sepanjang tempoh 30 tahun ini, ASB telah memberi pulangan dividen dan bonus sebanyak RM151.9 bilion kepada pelabur walaupun ada ketikanya berdepan krisis kewangan dan ekonomi yang sangat mencabar," katanya dalam kenyataan semalam.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn pula berkata, pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan demi kemudahan pelabur.

"Dahulunya, pegawai ASB perlu turun padang ke kampung dan desa untuk memperkenalkan ASB serta merekod urus niaga pelabur dalam buku pelaburan secara manual.

"Namun kemudahan pelaburan ASB telah melalui evolusi hari ini, yang bermula daripada rangkaian ejen dan pejabat pos, kemudiannya ditingkatkan pula



AMANAH Saham Nasional Berhad sentiasa komited dalam menguruskan pelaburan ASB seterusnya memberi pulangan dividen yang tinggi.

INFO

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

- » Pelaburan permulaan serendah **RM10**.
- » Sehingga 15 Jun 2020, ASB mempunyai lebih 10 juta pemegang unit dengan **169 bilion unit** dalam edaran.
- » Beri pulangan dividen dan bonus berjumlah **RM151.9 bilion** dalam tempoh 30 tahun.
- » Kempen 'Kumpul dan Menang' tawar hadiah keseluruhan bernilai lebih **RM1 juta**.
- » Kempen 'Jom Auto Labor' tawar hadiah utama **Proton Saga 1.3L Premium AT**.

menerusi perbankan internet dan melalui portal serta aplikasi myASNB.

"Pelabur juga kini boleh menamakan penerima untuk pelaburan mereka dalam ASB menerusi Hibah Amanah dan



ZETI AZIZ

Pengisytiharan Amanah. Kami berharap dengan kemudahan-kemudahan ini lebih ramai lagi pelabur bumiputera akan memilih ASB sebagai produk pelaburan pilihan mereka," katanya.

Sempena ulang tahun ke-30 ASB, ASNB akan menganjurkan kempen dan peraduan pelaburan bagi menghargai pelabur sedia ada di samping mendekati pelabur baharu.

Kempen pertama iaitu 'Kumpul dan Menang' menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM1 juta manakala kempen

kedua ialah 'Jom Auto Labor' menawarkan Proton Saga 1.3L Premium AT sebagai hadiah utama dengan tempoh kempen bermula 1 Ogos lalu sehingga 17 Disember 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin turut berharap kesemua 10 juta pelabur ASB akan mengambil peluang menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan bagi merebut hadiah menarik.

Mohammad berkata, untuk berpeluang memenangi hadiah menerusi kempen 'Kumpul dan Menang', peserta hanya perlu membuat pelaburan minimum RM30 untuk satu mata penyertaan atau 3 mata penyertaan jika pelaburan dibuat menerusi portal dan aplikasi myASNB.

Mengenai kempen 'Jom Auto Labor' kempen kedua ialah 'Jom Auto Labor' yang menawarkan Proton Saga 1.3L Premium AT.

Mohammad berkata, pengguna kemudahan *Auto Labor@myASNB* sedia ada hanya perlu menambah potongan bulanan minimum dalam ASB sebanyak RM30 daripada potongan sedia ada manakala pengguna baharu pula perlu menetapkan potongan bulanan minimum RM60.